



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 27  
No. 5

3hb Mac 1983

*TAMBAHAN No. 11  
AKTA*

---

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang  
semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan  
untuk makluman umum:

The national language text of the following revised  
law is hereby published for general information:

No.	Tajuk ringkas
-----	---------------

Akta 221 ...	Akta Pertahanan Awam 1951.
--------------	----------------------------



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 221**

**AKTA PERTAHANAN AWAM 1951**

**(Disemak—1979)**

Disemak hingga ... .. 1hb Disember 1978

Tarikh ditetapkan untuk  
mula berkuatkuasa ... .. 15hb Jun 1979

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 24hb Mei 1979

---

Dikanunkan dalam tahun 1951 sebagai Ordinan P.T.M. No. 38  
Tahun 1951.

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 221****AKTA PERTAHANAN AWAM 1951****(Disemak—1979)**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**Seksyen**

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi pertahanan awam.
4. Pelantikan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah dan pegawai.
5. Ketua Pengarah Pertahanan Awam boleh membuat peraturan-peraturan.
6. Anggota disifatkan sebagai pengkhidmat awam.
7. Yang di-Pertuan Agong boleh memanggil angkatan dan perkhidmatan pertahanan awam untuk berkhidmat.
8. Angkatan pertahanan awam boleh diperintahkan untuk melakukan kerja-kerja bantuan dan pemulihan.
9. Pemansuhan kaedah 28.

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 221

### AKTA PERTAHANAN AWAM 1951

(Disemak—1979)

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pertahanan awam Malaysia.

[*Malaysia Barat—24hb Mac 1952;* P.U. 201/65.  
*Sabah—30hb Oktober 1964;*  
*Sarawak—10hb November 1964.*]

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertahanan Awam 1951. Tajuk ringkas.
  
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“angkatan pertahanan awam” dan “perkhidmatan pertahanan awam” masing-masing ertinya angkatan dan perkhidmatan yang ditubuhkan semata-mata atau terutamanya untuk memenuhi kehendak pertahanan awam;

“pertahanan awam” meliputi apa-apa langkah yang tidak terjumlah kombat sebenar bagi mengadakan pertahanan terhadap apa-apa bentuk serangan permusuhan atau bagi menahan apa-apa bentuk serangan permusuhan daripada keseluruhan atau sebahagian daripada akibatnya, sama ada langkah itu diambil sebelum masa, semasa atau selepas masa serangan itu.
  
3. (1) Apabila didapatinya perlu atau bermanfaat untuk berbuat demikian Menteri boleh membuat apa-apa kaedah yang didapatinya perlu atau bermanfaat bagi pertahanan awam Malaysia. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi pertahanan awam.

(2) Tanpa menyentuh keluasan atau bidang kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) kaedah-kaedah tersebut boleh membuat peruntukan bagi—

- (a) mengelola, menubuh, menyenggara, melengkap, melatih dan mendisiplin angkatan dan perkhidmatan pertahanan awam;
- (b) mengelola, melengkap dan melatih bagi maksud pertahanan awam pasukan polis, pasukan bomba dan pekerja-pekerja badan-badan berkanun dan badan-badan lain, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang diambil kerja terutamanya bagi maksud lain daripada maksud pertahanan awam;
- (c) mengajar orang ramai tentang pertahanan awam dan melengkapkan mereka bagi maksud pertahanan awam;
- (d) membekal, menyimpan dan menyenggara komoditi-komoditi dan benda-benda yang dikehendaki bagi pertahanan awam;
- (e) menyediakan, membina, menyenggara dan mengubah premis, struktur dan penggalian bagi maksud-maksud pertahanan awam;
- (f) merekuisisi, membeli dan menyewa tanah, bangunan-bangunan, bahan-bahan harta dan barang-barang yang dikehendaki bagi maksud-maksud pertahanan awam;
- (g) mentaksir dan membayar saraan atau pampasan berkenaan dengan semua perkara yang dilakukan meliputi kerja yang dibuat dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi dan kerosakan dan kecederaan yang ditanggung akibat daripada kuasa-kuasa yang diberi oleh atau di bawah Akta ini;
- (h) membayar pampasan berkenaan dengan apa-apa kecederaan fizikal yang dilakukan oleh seseorang anggota angkatan atau perkhidmatan pertahanan awam yang berbangkit dari dan dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai anggota tersebut;
- (i) penubuhan badan-badan dan pelantikan pegawai-pegawai di Negeri-Negeri bagi maksud-maksud Akta ini dan perwakilan kepada badan dan pegawai tersebut semua atau mana-mana daripada kuasa yang diberi oleh atau di bawah Akta ini; dan

(j) mengenakan penalti bagi apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana kaedah dengan syarat bahawa tiada apa-apa penalti boleh melebihi penjara selama tempoh tiga tahun dan denda sebanyak lima ribu ringgit.

(3) Tiap-tiap kaedah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat secepat mana yang boleh.

4. Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Ketua Pengarah Pertahanan Awam dan Penolong-Penolong Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

Pelantikan  
Ketua  
Pengarah,  
Penolong  
Ketua  
Pengarah  
dan  
pegawai.

5. Ketua Pengarah Pertahanan Awam boleh membuat peraturan-peraturan yang selaras dengan Akta ini dan mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya yang memperuntukkan secara am tentang butir-butir yang berkaitan dengan pengelolaan dan kakitangan angkatan dan perkhidmatan pertahanan awam dan tentang tugas, kelengkapan dan latihan dan pengajaran orang-orang yang kepada mereka kaedah-kaedah itu dipakai.

Ketua  
Pengarah  
Pertahanan  
Awam  
boleh  
membuat  
peraturan-  
peraturan.

6. Anggota-anggota angkatan dan perkhidmatan pertahanan awam hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam bagi maksud-maksud Kanun Keseksaan.

Anggota  
disifatkan  
sebagai  
pengkhidmat  
awam.  
*N.M.B.  
Bab 45.*

7. (1) Yang di-Pertuan Agong melalui perisytiharan boleh memanggil untuk berkhidmat seluruh atau mana-mana bahagian angkatan atau perkhidmatan pertahanan awam.

Yang  
di-Pertuan  
Agong  
boleh  
memanggil  
angkatan  
dan  
perkhid-  
matan  
pertahanan  
awam  
untuk  
berkhid-  
mat.

(2) Seseorang anggota angkatan atau perkhidmatan pertahanan awam yang dipanggil di bawah subseksyen (1) hendaklah melaporkan diri untuk berkhidmat pada masa dan tempat sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pertahanan Awam melalui pemberitahuan dalam *Warta* atau selainnya.

Angkatan  
pertahanan  
awam  
boleh  
diperintah-  
kan  
untuk  
melakukan  
kerja-kerja  
bantuan  
dan  
pemulihan.

8. (1) Ketua Pengarah Pertahanan Awam dengan persetujuan Menteri boleh mengarahkan angkatan atau perkhidmatan pertahanan awam atau mana-mana bahagian daripadanya untuk diguna khidmat bagi melakukan apa-apa kerja bantuan atau memberi perlindungan kepada, atau mengambil langkah-langkah bagi menjamin keselamatan nyawa, orang atau harta penduduk awam sekiranya berlaku apa-apa bencana atau bencana yang akan menimpa atau bagi melaksanakan atau memudahkan pemulihan mereka selepas bencana itu.

(2) Anggota-anggota angkatan dan perkhidmatan pertahanan awam yang diguna khidmat menurut subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai menunaikan tugas pertahanan awam.

Pemansuhan  
kaedah 28.  
P.U. (A)  
74/70.

9. Kaedah 28 Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam (Pasukan Pertahanan Awam) 1970 adalah dengan ini dimansuhkan.

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 221

## AKTA PERTAHANAN AWAM 1951

(Disemak—1979)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta  
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
P.U. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Perisytiharan) 1958	13-11-1958
P.U. (B) 324/ 1970	Nama jawatan—Pemberitahuan	1-1-1971
Akta A188 ...	Akta Pertahanan Awam (Pindaan) 1973	30-3-1973

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA  
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
38 Tahun 1951 ...	Ordinan Pertahanan Awam 1951.